

⑧

**PERANAN INSTITUSI DAKWAH DI BRITAIN:
KAJIAN DI THE ISLAMIC FOUNDATION**

ABDUL GHAFAR BIN DON

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH USULUDDIN**

**JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2003**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511205279

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Doa kesejahteraan ke atas seluruh umat.

Penulis terlebih dahulu ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga dan jutaan terima kasih kepada Prof.Dr. Abd.Aziz Muhammad Zin selaku penyelia yang membimbang dan memberi tunjuk ajar yang bernes dan berguna sehingga kajian ini dapat disiapkan dengan sempurna.

Penghargaan juga ditujukan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang menaja pengajian ini termasuk memberi geran penyelidikan kepada penulis untuk mengumpul data kajian di United Kingdom. Kesempatan ini juga diambil untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada The Islamic Foundation (IF), Leicester, United Kingdom terutamanya Prof.Kurshid Ahmad selaku Chairman IF, Dr.Manazir Ahsan, Director General IF dan lain-lain kakitangan IF, iaitu Mr.Chowdury Mueen-Uddin (Deputy Director General), Mr.S.Naimuddin, Dr.Attaullah Siddiqui, Dr.Abdul Kader Cachi, Mr.Dilwar Husain, Mr.Nadeem Malik, Mr.Adil Salahi, Mr.Azamatullah Khan, Sis.Batool Toma, Mr.Kareem, Mr.Sulaiman, Mr.Sadeq dan lain-lain yang memberi kerjasama untuk penulis dalam memberikan data serta maklumat kajian.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada lain-lain organisasi Islam di Britain seperti United Kingdom Islamic Mission, Federation of Student and Islamic Societies (FOSIS), London Central Mosque and Islamic Cultural Centre, Muslim Parliament dan individu seperti Prof.Jorgen Nielsen, Dr.Ibrahim Surty, Dr.Jabal Buaben, Dr.David Thomas, Dr.Sigvard Von Sicard, Mr.Mustaffa Drapper, Ms.Firsila Shah dari Centre for the Study of Islam & Christian-Muslim Relations, Selly Oak College, Birmingham, Rani Al-Khateeb, FOSIS, Dr.Syed Aziz Pasha, UMO, Dr.Ghayasuddin Siddiqui, MP, Br.Afzal Muhammad, UKIM, Uzma Mukhtar, IR dan Mr.Mohammed Abdou, ICC dan lain-lain organisasi seperti MCB dan YM yang memberi kerjasama dalam sesi temubual untuk memperkuuh data kajian.

Kepada Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan UKM terutamanya Ketua Jabatan, Prof. Madya Dr.Zulkiple Abd.Ghani, rakan-rakan pensyarah lain serta kakitangan sokongan Pn. Siti Hawa, En. Sulimi dan Pn. Norlin yang memberi sokongan dan ransangan terhadap penulis untuk menyiapkan kajian ini. Juga diucapkan ribuan terima kasih kepada Dr.Abdul Halim Tamuri, Ustazah Noorodzoh Siren, Ketua Jabatan Dakwah & Pembangunan Insan, APIUM, Kak Aeshah dan Kak Noriah di APIUM, Raja Syamsul. Is. serta kawan-kawan di University of Birmingham dan Ashraf di Leicester yang memberi kemudahan penginapan kepada penulis semasa membuat kajian di United Kingdom.

Rakaman penghargaan ditujukan khusus kepada kedua ibu bapa. Haji Don dan Hajjah Rahmah, mertua. Dato' Yusoff Hilmi dan Datin Hajjah Salma, kakak, abang-abang dan adik yang sentiasa menyokong dan mendoakan kejayaan penulis.

Buat isteri Pn.Razikhah Dato' Yusoff Hilmi, anak-anak Ummi Rashidah, Aini Jamilah, Aini Anisah, Adilah Hanani dan Nur Afina, terima kasih di atas pengorbanan dan kesabaran serta sokongan yang diberikan sehingga siap kajian ini dilaksanakan.

ABDUL GHAFAR DON,
No.22, Jalan Sri Tanjung 19,
Taman Sri Tanjung,
Semenyih, Selangor.

21 Julai 2003.

ABSTRAK

Setakat ini usaha-usaha dakwah telah dilakukan oleh pelbagai institusi dakwah di Britain. Usaha-usaha ini telah menampakkan hasil di mana tuntutan terhadap hak-hak orang Islam seperti kebenaran kepada pelajar Islam menutup aurat di sekolah mula dipenuhi oleh pihak berkuasa. Mungkin masih banyak yang belum diketahui tentang usaha-usaha, pencapaian dan masalah yang dihadapi institusi dakwah. Oleh itu, satu kajian perlu dilakukan untuk mengetahui secara lebih lanjut tentang peranan institusi dakwah di Britain. Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji peranan The Islamic Foundation (IF) dalam dakwah di Britain. Kajian dilakukan terhadap program-program yang dilaksanakan IF dalam bidang pendidikan dan latihan, penyelidikan, penerbitan dialog, seminar dan ceramah, dakwah umum dan hubungan dengan pihak berkaitan. Dalam konteks kajian ini, program-program tersebut telah diklasifikasikan dan ditakrifkan sebagai program dakwah IF. Kajian ini menggunakan dua kaedah utama iaitu penyelidikan lapangan dan penyelidikan perpustakaan. Temubual secara purposive sampling telah digunakan sebagai metode utama bagi mendapat maklumat mengenai tajuk kajian. Melalui kaedah temubual ini, beberapa informan yang terlibat secara langsung dan tahu mengenai perjalanan institusi dan program tertentu telah ditemubual. Soal selidik pula digunakan sebagai kaedah sampingan untuk menyokong fakta kajian. Bagi memudahkan perbincangan kajian ini dibahagikan kepada lima bab termasuk pendahuluan dan penutup. Bab Pertama membincangkan tentang latarbelakang masyarakat Britain, Muslim dan Non-Muslim. Bab Dua pula mengemukakan latarbelakang, objektif dan peranan beberapa institusi dakwah di Britain. Pengenalan kepada The Islamic Foundation dibincangkan dalam Bab Tiga. Bab Empat memberi fokus secara khusus kepada peranan The Islamic Foundation dalam dakwah dengan melihat dan membuat analisis terhadap program-program yang dilaksanakan. Kajian ini tidak memberi penekanan kepada keberkesanan program IF, tetapi hanya melihat peranan IF dalam dakwah. Kesimpulan dan cadangan dibawa di dalam Bab Lima iaitu bab terakhir. Dapatkan kajian (findings) ini menunjukkan bahawa IF telah berperanan melaksanakan misi dakwahnya untuk menjadikan Islam sebagai realiti hidup masyarakat (Makes Islam a Living Reality) secara berterusan, sistematik dan relevan dengan latarbelakang masyarakat. Ini telah dilaksanakan melalui program pendidikan dan latihan, penyelidikan, penerbitan, dialog, seminar dan ceramah, dakwah umum dan hubungan pihak yang berkaitan.

ABSTRACT

Nowadays, there are many da'wah institutions undertaking Islamic da'wah in Britain. These da'wah works have accomplished some achievements. An example of this is the granted for Muslim students to wear the uniforms which are suited to the Islamic dress code. The aim of this study was to examine the role of The Islamic Foundation (IF) in da'wah. Several programmes run by the Foundation namely, education and training, research, publication, dialogue, seminars and conferences, general da'wah and relationship with other agencies were studied. In this study, the aforesaid programmes were classified and defined as the Foundation da'wah programmes. Two major methods, namely fieldwork research and library research were used in this study. An interview by purposive sampling was used as a primary source to gain information related to research topic. Through this method of interview, several selected informants who were involved directly and considered to have knowledge of the programme were interviewed. A questionnaire was used to support the fact of the study. To make the discussion easier, this study is divided into five chapters including introduction and conclusion. Chapter One concentrates on the background of the British society, both Muslims and Non-Muslims. The background, objectives and the role of several da'wah institutions in Britain are highlighted in Chapter Two. An introduction to The Islamic Foundation is discussed in Chapter Three. Chapter Four which is regarded as the core of this thesis examines and analyses the programmes which are implemented by the Foundation. This study is not concerned with the effectiveness of the Foundation's programmes but on the role of the Foundation. The conclusion and useful suggestions are discussed in Chapter Five. The findings of the research show that the Foundation has implemented its da'wah mission to make Islam as a living reality or in other words, Islam as a way of life among the British society. This has been done continuously and systematically in view of the background of the society. In order to implement a particular mission, several approaches have been used namely, education and training, research, publication, dialogue, seminars and conferences, da'wah in general and relationship with other agencies.

KANDUNGAN

Halaman

Penghargaan	ii
Abstrak	iv
Abstract	v
Kandungan	vi
Senarai Jadual	x
Senarai Carta	xi
Senarai Lampiran	xii
Senarai Singkatan	xiii
Senarai Transliterasi	xvi
Pengenalan	xvii
Penyataan Masalah	xviii
Objektif kajian	xx
Hipotesis	xxi
Rasional Kajian	xxi
Sorotan karya	xxii
Metode kajian	xxv

BAB 1: MASYARAKAT BRITAIN MASAKINI

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Masyarakat Bukan Islam	2
1.2.1	Masyarakat Beragama Kristian	3
1.2.2	Masyarakat Beragama Yahudi	11

1.2.3	Masyarakat Beragama Sikh	17
1.2.4	Masyarakat Beragama Hindu	22
1.2.5	Masyarakat Beragama Buddha	27
1.2.6	Masyarakat Beragama Jain	30
1.2.7	Masyarakat Beragama Bahai	32
1.3	Masyarakat Islam	34
1.3.1	Latarbelakang Umum	34
1.3.2	Sejarah dan Perkembangan Masyarakat Islam	36
1.3.3	Kedudukan Masyarakat Islam Kini	42
1.3.4	Penghayatan Terhadap Ajaran Agama	48
1.3.5	Persepsi Non-Muslim Terhadap Islam	55
1.3.6	Hubungan Masyarakat Islam dengan Non-Muslim	61
1.4	Kesimpulan	65

BAB 2: INSTITUSI DAKWAH DI BRITAIN

2.1	Pendahuluan	66
2.2	Definisi Institusi Dakwah	66
2.3	Latarbelakang Institusi Dakwah di Britain	69
2.4	Matlamat Umum Institusi Dakwah di Britain	71
2.5	Islamic Cultural Centre & The London Central Mosque	73
2.6	The UK Islamic Mission (UKIM)	80
2.7	Federation of Students Islamic Societies	91
2.8	Union of Muslim Organisations (U.M.O)	97
2.9	The Muslim College	104
2.10	The Young Muslims	111
2.11	Islamic Relief	115

2.12	The Muslim Parliament (MP)	123
2.13	Muslim Council of Britain (MCB)	128
2.14	Kekuatan dan Kelemahan Institusi Dakwah di Britain	142
2.15	Kesimpulan	148

BAB 3: PENGENALAN KEPADA THE ISLAMIC FOUNDATION (IF)

3.1	Pendahuluan	149
3.2	Sorotan Karya	149
3.3	Latarbelakang Penubuhan IF	151
3.4	Objektif Penubuhan IF	153
3.5	Pentadbiran	157
3.6	Kewangan	168
3.7	Lokasi dan Bangunan	175
3.8	Markfield Institute of Higher Education (MIHE)	180
3.9	Kesimpulan	188

BAB 4: PERANAN THE ISLAMIC FOUNDATION DALAM DAKWAH

4.1	Pendahuluan	189
4.2	Dakwah dalam Bidang Penyelidikan	190
4.3	Dakwah dalam Bidang Pendidikan dan Latihan	203
4.4	Dakwah dalam Bidang Penerbitan	223
4.5	Dakwah dalam Bidang Dialog	247
4.6	Dakwah dalam Bidang Seminar dan Ceramah	254
4.7	Dakwah Umum	257
4.8	Hubungan dengan Institusi-institusi Berkaitan	260
4.9	Kekuatan dan kelemahan IF	267

4.10	Persepsi Responden Terhadap IF	277
4.11.	Kesimpulan	282

BAB 5: PENUTUP

5.1	Kesimpulan	283
5.2	Cadangan	288

BIBLIOGRAFI	297
--------------------	-----

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
Jadual 1 : Perkembangan Komuniti Muslim Di Britain	41
Jadual 2 : Kelas Petang dan Hujung Minggu UKIM	85
Jadual 3: Program berkala Cultural Awareness Training Bagi Tahun 2000-2001	212
Jadual 4: Persepsi Responden Terhadap IF	278

SENARAI CARTA

Carta	Halaman
Carta 1 : Struktur Organisasi Pentadbiran IF	159
Carta 2 : Unit-Unit Jawatankuasa Akademik	161

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 (a, b, c)

Lampiran 2

Lampiran 3

Lampiran 4

Lampiran 5

Lampiran 6

Lampiran 7

Lampiran 8

Lampiran 9

Lamppiran 10

Lampiran 11

Lampiran 12

Lampiran 13

Lampiran 14

Lampiran 15 (a, b, c, d, e, f, g, h, i, j, k)

Lampiran 16

Lampiran 17 (a, b)

Lampiran 18

Lampiran 19

Lampiran 20 (a, b, c)

SENARAI SINGKATAN

AML	- Association of Muslim Lawyers
CAT	- Cultural Awareness Training
COF	- Citizen Organising Foundation
CRE	- Commission for Racial Equality
ed	- Editor
FOSIS	- Federation of Students Islamic Societies
H	- Hidup
h	- Halaman
ibid	- ibidem
ICC	- Islamic Cultural Centre
IF	- Islamic Foundation
IKIM	- Institut Kefahaman Islam Malaysia
IR	- Islamic Relief
ISB	- Islamic Society of Britain
ISESCO	- Islamic Educational, Scientific and Cultural Organisation
L	- lahir
loc.cit	- loco citato
m	- Mati
MC	- Muslim College
MCB	- Muslim Council of Britain
MCC	- Markfield Conference Centre
MELSS	- Markfield English Language Summer School

MIHE	- Markfield Institute of Higher Education
MP	- Muslim Parliament
MWBR	- Muslim World Book Review
NMP	- New Muslims Project
M	- Masehi
NICMU	- National Interim Committee on Muslim Affairs
NMP	- New Muslims Project
NNIF	- National Network Inter-Faith
NSA	- National Spiritual Assemblies
OAAS	- The Oxford Academy for Advanced Studies
op.cit	- opere citato
OS	- Opportunistic Sampling
P	- Penubuhan
PG	- Perang
PCIQ	- PC Islamic Quiz Game
PS	- Purposive Sampling
RE	- Religious Education
SM	- Sebelum Masehi
SPSS	- Statistic Package for the Social Science
terj.	- Terjemahan
UCL	- University College London
UIAM	- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKACIA	- U.K Action Committee on Islamic Affairs
UKIM	- UK Islamic Mission

UMO	- Union of Muslim Organisations of UK and Eire
WTC	- World Trade Centre
YM	- Young Muslims
YMUK	- Young Muslims UK

SENARAI TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan di dalam tesis ini berpandukan ejaan Dewan Bahasa dan Pustaka, kecuali transliterasi dari huruf Arab yang diterangkan sebagaimana berikut iaitu berpandukan H.A.R. Gibb (1986). The Encyclopedia of Islam, vo. I. Leiden: E.J. Brill:

Konsonan

ء	'	ز	z	ق	q
ب	b	ص	s	ك	k
ت	t	ش	sh	ل	l
ث	th	س	s	م	m
ج	dj	ض	d	ن	n
ح	h	ط	t	ه	h
خ	kh	ظ	z	و	w
د	d	ع	'	ي	y
ذ	dh	غ	gh		
ر	r	ف	f		

Vokal Panjang

إ	ا
و	oo
ي	i

Vokal Pendek

أ	a
ء	u
ئ	i

Diftong

أو	أو	aw
أي	أي	ay
ئي		iyy
ئو		uww

PENGENALAN

Menyampaikan dakwah adalah wajib ke atas semua orang Islam yang mukallaf sama ada secara individu ataupun secara kolektif (organisasi). Beban dalam menyampaikan dakwah akan menjadi lebih ringan jika dakwah dilaksanakan secara berorganisasi. Oleh kerana itu, Islam sangat menekankan tentang kepentingan berorganisasi dalam konteks menggerakkan usaha-usaha dakwah memandangkan dakwah adalah tugas yang mencabar.

Tertubuhnya institusi dakwah di seluruh dunia sama ada di negara Islam maupun negara bukan Islam seperti Britain adalah bertujuan merealisasikan tugas dakwah. Dalam hal ini, mungkin ramai tidak menyedari peranan yang mainkan oleh institusi dakwah di negara bukan Islam. Di Britain, usaha-usaha dakwah secara organisasi telah bermula sejak tahun 1800-an lagi, di mana lahirnya Masjid Woking pada tahun 1890. Selain berfungsi sebagai pusat ibadah, masjid Woking juga berperanan sebagai wadah dakwah. Selepas Masjid Woking, beberapa buah lagi masjid dan institusi Islam ditubuhkan seperti Liverpool Mosque and Institute (P.1891) dan Woking Muslim Mission (P.1913) yang menjalankan kerja-kerja dakwah.

Bermula akhir tahun 50-an dan seterusnya di tahun 60-an telah menjadi titik tolak kepada pertumbuhan institusi Islam di Britain. Ini mungkin kerana dipengaruhi peningkatan jumlah komuniti Islam dan kehadiran mereka yang bersifat ‘permenant basis’ di Britain. Institusi Islam mula ditubuhkan dengan banyaknya. Di antara institusi Islam yang lahir pada period ini ialah masjid jamik

di Liverpool (1958), Federation of Student Societies (1962), UK Islamic Mission (1962), Muslim Educational Trust (1962) . Tahun 70-an, 80-an dan 90-an lebih banyak institusi Islam ditubuhkan. Institusi dakwah ini tumbuh dengan tujuan memenuhi tuntutan agama masyarakat Islam dan memelihara identiti Islam melalui pelbagai bidang seperti pendidikan, sosial, kebajikan, politik, penerbitan dan lain-lain. Usaha-usaha dakwah terhadap non-Muslim juga telah bermula di peringkat ini seperimana yang dilakukan oleh UK Islamic Mission.

Mesej dakwah yang cuba disampaikan terhadap non-Muslim dalam konteks negara Barat seperti Britain terpaksa berhadapan dengan cabaran yang besar. Antara cabaran terbesar institusi Islam ialah masalah imej Islam yang seringkali diasosiasikan dengan fundamentalisme, terrorisme, militan, ekstrimisme dan lain-lain ungkapan negatif. Penubuhan The Islamic Foundation antara lainnya adalah bertujuan mengikis persepsi kurang menyenangkan terhadap Islam yang kelihatan telah sebat dengan masyarakat Barat. Melalui beberapa bidang seperti penyelidikan, pendidikan dan latihan, penerbitan, dialog dan lain-lain, IF cuba berdakwah agar Islam dilihat dari persepsinya yang sebenar dan dari sumber yang asal. Matlamat ini telah dinyatakan dengan jelas oleh pengasas IF, Prof.Kurshid Ahmad, iaitu:

“to present Islam as it is”.

Sehubungan dengan itu, kajian ini mengambil pendekatan memberi penumpuan kepada peranan institusi dakwah di Britain dengan fokus secara khusus terhadap peranan The Islamic Foundation.

Penyataan Masalah

Institusi dakwah telah ditubuhkan di Britain sejak akhir tahun 1800-an lagi. Ini dapat dilihat kepada penubuhan masjid di Woking pada tahun 1890. Bermula di akhir tahun 1950-an institusi dakwah lebih banyak ditubuhkan. Usaha-usaha institusi dakwah yang bermula di akhir 1950-an dan di tahun 1960-an, tidak lagi semata-mata ditumpukan kepada menangani masalah yang dihadapi masyarakat Islam dalam isu-isu berkaitan imigresen, pendidikan, sosial dan lain-lain, tetapi juga kepada gerakan dakwah terhadap non-Muslim seperti yang dilakukan oleh UKIM.

Perkembangan yang berlaku kemudiannya, iaitu di akhir tahun 1970-an, tahun 1980-an dan 1990-an dengan beberapa isu yang berkait dengan umat Islam seperti revolusi Islam di Iran (1979), perang teluk (1980-an) dan isu Salman Rushdie (1988), Islam dan umat Islam mula dilabel dengan beberapa istilah seperti militan, fundamentalis dan lain-lain. Fenomena ini memberikan cabaran yang lebih berat kepada institusi dakwah. Tugas dan tanggungjawab institusi dakwah menjadi lebih kompleks, tidak hanya berperanan menyelesaikan masalah yang dihadapi umat Islam dan mendidik masyarakat Islam, tetapi juga membina imej Islam yang positif. Penubuhan IF adalah selaras dengan matlamat membina imej positif ini. Usaha-usaha ini dilakukan juga oleh lain-lain organisasi Islam di Britain.

Kajian ini memilih untuk melihat secara lebih khusus kepada peranan The Islamic Foundation (IF) dalam konteks dakwah di Britain. Beberapa organisasi lain juga dikaji sebagai latarbelakang kajian untuk menunjukkan adanya fenomena dan aktiviti dakwah di Britain bagi mengukuhkan data kajian. Tumpuan diberikan

kepada mengkaji program dalam bidang pendidikan dan latihan, penyelidikan, penerbitan, dialog, seminar dan ceramah, dakwah umum dan hubungan pihak yang berkaitan. Kajian ini perlu dilakukan bagi melihat perlaksanaan dan pendekatan dakwah IF dalam konteks masyarakat majmuk dan seterusnya mengemukakan pendekatan dakwah yang relevan dan praktikal berdasarkan dapatan kajian.

Objektif Kajian

Matlamat utama kajian ini ialah menilai peranan The Islamic Foundation (IF) dalam melakukan tugas-tugas dakwah di Britain. Secara lebih khusus, kajian ini menggariskan beberapa objektif, iaitu:

1. Mengkaji peranan IF dalam konteks dakwah di Britain. Kajian ini bertujuan melihat dan menganalisa sejauh mana IF memberi komitmen merealisasikan matlamat untuk menjadikan Islam sebagai suatu agama yang praktikal dalam konteks masyarakat majmuk sesuai dengan motonya *Makes Islam a Living Reality*.
2. Mengenal pasti pendekatan-pendekatan baru dan praktikal dalam dakwah seperti yang dilaksanakan IF dalam konteks masyarakat majmuk
3. Mengemukakan pendekatan dakwah yang praktikal dan boleh dilaksanakan bagi masyarakat majmuk.
4. Mengkaji peranan institusi dakwah di Britain secara umum. Kajian ini memilih lapan buah institusi Islam yang difikirkan dapat menunjukkan adanya usaha-usaha dakwah dilakukan secara berorganisasi.

Hipotesis

Kajian ini mempunyai beberapa hipotesis, iaitu:

- a) Institusi dakwah di Britain berusaha memelihara identiti Islam melalui pelbagai pendekatan.
- b) Kewujudan institusi dakwah di Britain telah memberi impak kepada kesedaran dan penghayatan Islam di Britain.
- c) IF berperanan sebagai institusi dakwah melalui beberapa bidang. iaitu penyelidikan, pendidikan dan latihan, penerbitan, dialog, seminar dan ceramah, dakwah umum dan hubungan dengan pihak-pihak berkaitan.
- d) IF telah berperanan mempromosi imej Islam universal dan damai dan berusaha mengurangkan persepsi negatif non-Muslim terhadap Islam melalui bidang-bidang yang telah dinyatakan.

Rasional Kajian

Kajian ini memilih Britain sebagai lokasi kajian dan IF sebagai kes kajian kerana:

- a) Britain dianggap negara yang sangat pluralistik sama ada dari segi kepelbagaian etnik maupun agama di Eropah. Kepelbagaian ini menjadi satu cabaran kepada dakwah dan menarik untuk dikaji.
- b) Kajian ini memilih IF sebagai model kepada institusi dakwah kerana peranan dan penglibatannya yang aktif dan sistematik dalam dakwah khususnya dalam mempromosi imej universal Islam dan mengurang serta menghalakis persepsi negatif non-Muslim terhadap Islam.

Sorotan Karya

Kajian-kajian lama dan kontemporer telah dilakukan terhadap institusi Islam di Britain. Antara kajian-kajian yang dilakukan mengenai institusi Islam ialah;

1. Daniele Joly, (*Muslims in British Society: Key Issues*, 1995. Hants: Avebury Ashgate Publishing Ltd.).

Kajian Daniele Joly tersebut mendapatkan institusi-institusi Islam di Britain telah berperanan dalam memperjuangkan beberapa isu penting yang melibatkan kepentingan komuniti Islam seperti hak-hak dalam bidang pendidikan dan politik. Usaha-usaha telah diambil oleh institusi Islam dengan melakukan perundingan dengan pihak berkuasa agar makanan halal disediakan di hospital, penjara dan sekolah.

2. Ron Geaves, dengan tesis Ph.D berjudul (*Sectarian Influences Within Islam in Britain* 1996. Department of Theology and Religious Studies: University of Leeds).

Kajian oleh Geaves mendapatkan bahawa institusi Islam di Britain masih bersifat selektif dan eksklusif. Institusi-institusi tersebut terpengaruh dengan idea-idea gerakan Islam sama ada di Indo-Pakistan (*Jama'at Islami*) ataupun di Timur Tengah (Ikhwan Muslimin). Walaupun dari segi ideanya dipengaruhi oleh idea-idea gerakan Islam Asia Selatan ataupun Timur Tengah, namun demikian dari segi modus operandinya, Ron Geaves mendapatkan bahawa gerakan Islam di Britain tidak terikat dengan cara atau pendekatan institusi Islam di kedua-dua tempat tersebut. Mereka bergerak dalam konteks yang lebih luas dan sesuai dengan situasi setempat dalam rangka menampilkan identiti Islam kepada

masyarakat di Britain. UK Islamic Mission (UKIM), contohnya telah mengadakan usaha menyebar bahan-bahan bertulis, mengadakan seminar, pertemuan sosial, program tarbiah belia, wanita dan kanak-kanak.

3. John L. Esposito (*The Oxford Encyclopedia of The Modern Islamic World*, 1996. New York: Oxford University Press).

Esposito telah menyentuh tentang sejarah dan perkembangan institusi Islam di Britain. Kajian beliau mendapati bahawa kegiatan dakwah organisasi Islam di peringkat awal dipelopori oleh masjid yang bertindak sebagai institusi penting bagi perkembangan dakwah. Di peringkat ini pembangunan institusi Islam adalah tertumpu kepada mendirikan tempat beribadat dan menyampaikan ajaran Islam kepada generasi akan datang.

4. Kajian lain mengenai institusi Islam di Britain telah dilakukan oleh Jan Rath dan kawan-kawan, ("Western Europe and Its Islam", 2001, Jurnal *New Community*).

Kajian tersebut mendapati bahawa institusi Islam walaupun berbeza orientasi dan pandangan, tetapi mereka boleh bersatu dalam isu-isu yang menyentuh sensitiviti dan kepentingan umat Islam. Kajian tersebut mengemukakan contoh bahawa peristiwa Salman Rushdie (1998) telah menyatukan pelbagai institusi Islam yang wujud di Britain. Peristiwa Rushdie tersebut telah menjadi titik tolak kepada kesedaran berpolitik umat Islam untuk memberi pandangan, menyata dan menuntut hak-hak mereka khususnya melalui saluran organisasi.

5. Jessica Jacobson, (*Islam in Transition*, 1998. London: New Fetter Lane).

Kajian Jessica membuat kesimpulan yang sama seperti Jan Rath dan kawan-kawan, iaitu tentang kesedaran berorganisasi dan politik masyarakat Islam di Britain.

6. Ali Kose, (*Conversion to Islam*, 1996. London: Kegan Paul International).

Dalam kajian yang dilakukannya, Ali Kose mengemukakan tiga masalah utama yang dihadapi oleh organisasi Islam di Britain. Pertama, organisasi Islam kurang berjaya kerana kurang mempunyai pemasaran organisasi. Beliau menyatakan hubungan dari segi institusi antara organisasi hampir tidak ada. Keadaan ini menyebabkan umat Islam kurang mendapat pengiktirafan pihak berkuasa British. Kedua, organisasi Islam kurang berjaya dari segi dakwah terhadap kedua-dua komuniti, Muslim dan Non-Muslim. Ketiga, banyak daripada organisasi ini gagal mendapat sokongan daripada masyarakat Islam. Kegagalan ini pada pandangan beliau berpunca dari tiga faktor. Pertama, organisasi Islam yang wujud di Britain masih bersifat etnik dan berorientasi negara asal imigran. Kedua, pengasas kebanyakan organisasi Islam adalah daripada generasi lama yang gagal membangunkan struktur yang sesuai untuk generasi baru. Ketiga, organisasi-organisasi yang wujud ini gagal untuk menyesuaikan diri dengan dinamisme masyarakat Barat.

Kajian-kajian yang dilakukan mengenai institusi Islam tersebut adalah umum dan perbincangan yang dilakukan tidak difokuskan secara khusus untuk melihat peranan institusi Islam di Britain dalam konteks dakwah. Program-program yang dilaksanakan institusi Islam hanya disebut secara sepintas lalu.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk melihat peranan institusi Islam dalam konteks dakwah secara lebih khusus untuk mengetahui lebih dekat program-program yang dilaksanakan.

Metode Kajian

Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data dalam kajian ialah kajian perpustakaan dan kajian lapangan;

a) **Kajian Perpustakaan**

Kajian perpustakaan ialah penyelidikan yang dilakukan untuk mendapatkan data-data dalam bentuk dokumen berhubung topik kajian. Data-data kajian perpustakaan ini diperolehi melalui buku, jurnal, kertas kerja, ensiklopedia, laporan bertulis, buletin, akhbar, buletin, majalah, tape, laman web dan lain-lain sumber berkaitan. Penyelidikan perpustakaan menjadi maklumat asas kepada landasan kajian. Hasil kajian perpustakaan banyak diguna dan dianalisa dalam pendahuluan, Bab I, II, III dan IV.

b) **Kajian lapangan**

Kajian lapangan menggunakan tiga prosedur untuk mendapat data iaitu melalui temubual, pemerhatian dan soal selidik. Temubual adalah prosedur utama untuk mendapatkan data. Pemerhatian dan soal selidik digunakan untuk mengukuhkan data kajian.

i. **Temubual**

Kaedah temubual digunakan dalam kajian ini kerana ia mempunyai beberapa kelebihan. Gall, Borg & Gall umpamanya menyatakan bahawa kelebihan utama

temubual ialah boleh membina hubungan baik dengan peserta untuk mendapatkan maklumat lanjut dan lebih mendalam dan boleh menjelaskan sebarang persoalan yang tidak jelas (lihat M.D.Gall et al (1996), *Educational Research An Introduction*. New York: Longman. h.201). Denscombe pula menyatakan bahawa maklumat dan penilaian yang mendalam akan diperolehi melalui kaedah temubual (lihat Martyn Denscombe (1998), *The Good Research Guide*. Buckingham: Open University Press. h.36).

Temubual dijalankan dengan menggunakan kaedah *Purposive Sampling* (PS). D.Bouma dan Atkinson menyatakan bahawa melalui kaedah PS, penyelidik boleh memilih orang atau kumpulan yang terbaik untuk dikaji (Garry D.Bouma & G.B.J Atkinson (1997), *A Handbook of Social Science Research*. Oxford: Oxford University Press,h.143).

Melalui kaedah PS individu yang terlibat dengan institusi dakwah secara langsung yang dapat memberikan maklumat secara jelas dan terperinci telah ditemubual tentang organisasi dan perjalanan sesebuah program. Untuk tujuan ini, pemimpin-pemimpin organisasi, ketua-ketua atau penyelaras sesuatu program dan lain-lain pihak berkaitan yang difikirkan perlu telah ditemubual. Bentuk soalan yang dilakukan ialah Temubual Semi-Berstruktur (Semi-Structured Interview).

Kaedah temubual ini banyak digunakan di dalam Bab II, III dan IV.

ii. Pemerhatian

Kajian ini juga menggunakan kaedah pemerhatian. Melalui metode ini, pemerhatian dilakukan terhadap lokasi kajian iaitu IF dan lain-lain institusi

berkaitan serta kegiatan atau program yang dilaksanakan. Metode observasi ini penting dalam menilai dan menganalisa peranan yang dilaksanakan oleh sebuah institusi dakwah terutamanya IF. Kaedah pemerhatian ini banyak diguna dalam Bab II, III dan IV.

iii. Soalselidik

Soal selidik dalam kajian hanya diguna sebagai kaedah sampingan untuk mengukuhkan data kajian. Ia diguna bagi membantu menilai perlaksanaan sesuatu program. Soal selidik yang dirangka dan diedar untuk responden terlebih dahulu melalui kajian rintis (pilot studies). Pandangan penyelia terlebih dahulu diambil kira dalam merangka soal selidik. Bagi mengukuhkan kajian rintis ini enam orang pelajar PhD University of Birmingham telah dipilih untuk memberi komen dan kritik terhadap soalan yang dirangka.

Kaedah Opportunistic Sampling (OS) digunakan dalam soal selidik ini. Ada beberapa kelebihan OS dalam penyelidikan. Menurut Tony Malim & Ann Birch, pengkaji boleh mendapatkan maklumat daripada individu/informan yang ada pada masa kajian dilakukan (Tony Malim & Ann Birch (1997), *Research Methods and Statistics*. London: Macmillan Press, h.6). Mac Rae pula berpendapat pengkaji boleh mendapat sampel yang tersedia ada untuk kajiannya (Sandy Mac Rae (1994), *Models & Method for the Behavioural Sciences*. Leicester: The British Psychological Society, h.31).

Borang soal selidik yang mengandungi 28 lapan soalan telah diedarkan. Soal selidik ini telah dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama

mengandungi maklumat asas, iaitu latarbelakang responden. Bahagian kedua pula mengandungi soalan berskala tentang penilaian responden terhadap IF dan program yang dilaksanakan serta cadangan. Soalan yang dirangka mengandungi lima skala iaitu *Strongly Agree* (Sangat Setuju), *Agree* (Setuju), *Uncertain* (Tidak Pasti), *Disagree* (Tidak Setuju) dan *Strongly Disagree* (Sangat Tidak Setuju).

Penulis bercadang memilih 50 orang responden untuk menjawab soalan-soalan bagi set soal selidik. Oleh kerana faktor limitasi masa, jarak dan kewangan, pengkaji hanya berjaya mendapatkan 27 orang responden bagi menjawab soal selidik yang dikemukakan.

Data yang terkumpul dianalisis menggunakan program *Statistic Package for the Social Science* (SPSS), for Windows Version 11. Kaedah kuantitatif digunakan di dalam menganalisa data kajian. Analisis yang digunakan ke atas data adalah frekuensi dan peratusan. Penerangan hasil kajian dijelaskan dengan berbantuan jadual.

Metode ini diguna dalam Bab IV.